

AMALAN PEMBACAAN BERKESAN DALAM KALANGAN PELAJAR
SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI UNIVERSITI TUN
HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

NURUL SHAHIRA BTE SALIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MAC 2013

ABSTRAK

Membaca adalah sangat penting dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan seseorang. Bagi para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional memerlukan lebih banyak membaca kerana mereka merupakan bakal guru yang akan menyampaikan maklumat serta pelbagai ilmu pengetahuan untuk generasi akan datang. Kajian berkonsepkan tinjauan ini dijalankan sepenuhnya di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pembacaan pelajar PTV, pengaruh utama jenis bahan bacaan terhadap amalan pembacaan berkesan, faktor utama yang mempengaruhi amalan pembacaan berkesan, strategi utama membaca yang dapat membantu meningkatkan amalan pembacaan berkesan serta hubungan di antara strategi membaca dengan amalan membaca. Seramai 165 orang pelajar Sarjana PTV dijadikan sebagai responden kajian. Dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian, data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS* versi 16.0 melalui kaedah deskriptif dan analisis korelasi *Spearman's Rho*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan membaca di kalangan pelajar Sarjana PTV adalah berada di tahap sederhana. Hal ini disebabkan kurangnya minat serta amalan terhadap aktiviti membaca. Di samping itu, dapatan bagi hipotesis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara strategi membaca dengan amalan membaca dalam kalangan pelajar Sarjana PTV. Sebagai kesimpulannya, membaca membolehkan seseorang guru atau pelajar itu menimba ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan yang sedia ada dan menjadi contoh kepada generasi akan datang.



ABSTRACT

Reading is very important in enhancing one's knowledge. For the Master of Education in Technical and Vocational need to read more because they are the future teachers who will deliver a variety of information and knowledge for future generations. Survey conception is carried out entirely at the Faculty of Technical and Vocational Education in Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. The purpose of this study is to identify students' reading practices PTV, the main influence on the types of reading materials effective reading practices, the main factors that influence effective reading practices, key reading strategies that can help improve effective reading practices and the relationship between reading strategies and reading practice. A total of 165 students have been selected as respondents to the survey PTV. By using the questionnaire as a research instrument, the data were analyzed using SPSS version 16.0 through descriptive method and Spearman's Rho correlation analysis. The results showed that reading habits among master students is at the intermediate level. This is due to lack of interest and practice of reading activities. In addition, the findings of the hypothesis show that there is a statistically significant relationship between reading strategies and reading habits among the students of Masters Level. In conclusion, reading allows the teacher or student to gain knowledge from multiple sources to improve the existing knowledge and can be an example for future generations



KANDUNGAN

	TAJUK	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI KATA SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis	11



1.7	Kerangka Konsep Penyelidikan	12
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Skop Kajian	17
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Definisi Istilah	18
1.12	Rumusan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kepentingan Amalan Membaca	23
2.3	Amalan Pembacaan	25
2.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Membaca	27
2.5	Pengaruh Bahan Bacaan	34
2.6	Strategi Membaca	36
2.7	Langkah-Langkah Meningkatkan Amalan Membaca	42
2.8	Rumusan	43

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.4	Tempat Kajian	47
3.5	Instrumen	47
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	50



3.7	Kajian Rintis	51
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	53
3.9	Analisis Data	54
3.10	Kaedah Analisis Data	56
3.11	Kerangka Operasi	57
3.12	Rumusan	59

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	60
4.2	Statistik Deskriptif	61
4.3	Analisis Bahagian A: Latar Belakang Responden	61
4.4	Analisis Bahagian B: Amalan Membaca dan Pengaruh Utama Jenis Bahan Bacaan	66
4.5	Analisis Bahagian C: Faktor Utama Yang Mempengaruhi Amalan Pembacaan Berkesan	71
4.6	Analisis Bahagian D: Strategi Utama Membaca Yang Dapat Membantu Dalam Meningkatkan Amalan Pembacaan Berkesan	85
4.7	Analisis Hubungan Antara Strategi Membaca Dengan Amalan Membaca	100
4.8	Rumusan	108



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	109
5.2	Perbincangan	109
5.3	Rumusan	129
5.4	Cadangan	130
5.5	Penutup	135

RUJUKAN	136
----------------	------------

LAMPIRAN	142
-----------------	------------



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

3.1	Kursus dan Populasi Pelajar	46
3.2	Pembahagian Borang Soal Selidik	48
3.3	Pengkelasan Skala <i>Likert</i>	49
3.4	Nilai <i>Alpha Cornbach</i>	51
3.5	Kekuatan Nilai Korelasi (Mohd. Najib, 2003)	54
3.6	Tahap Skor Min (Baharin Abu, <i>et.al.</i> , 2007)	54
3.7	Penganalisan Data Mengikut Setiap Persoalan Kajian	55
4.1	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	61
4.2	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	62
4.3	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Semester	64
4.4	Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Tujuan Utama Membaca	65
4.5	Skala Kekerapan Responden Mengikut Faktor Yang Mempengaruhi Pembacaan Pelajar	66
4.6	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Amalan Pembacaan	68
4.7	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Pengaruh Utama Jenis Bahan Bacaan	70

4.8	Analisis Pemboleh Ubah Mengikut Item: Faktor Utama Mempengaruhi Amalan Pembacaan Pelajar	73
4.9	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Persekitaran (Keluarga)	75
4.10	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Persekitaran (Komuniti)	77
4.11	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Persekitaran (Institusi: Pensyarah)	78
4.12	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Persekitaran (Institusi: Kemudahan)	80
4.13	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Psikologi (Minat)	82
4.14	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Faktor Individu (Sikap)	84
4.15	Analisis Pemboleh Ubah Mengikut Item: Strategi Utama Membaca Yang Dapat Membantu Dalam Meningkatkan Amalan Pembacaan Berkesan	87
4.16	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Strategi Membaca Kilat (<i>Skimming Reading</i>)	88
4.17	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Strategi Membaca Imbas (<i>Scanning Reading</i>)	91



4.18	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Strategi Membaca Cepat (<i>Speed Reading</i>)	94
4.19	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Strategi Membaca KWLH (<i>Know, Want, Learned, How</i>)	97
4.20	Jadual Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Item Strategi Membaca SQ3R (<i>Survey, Question, Read, Recite, Review</i>)	99
4.21	Hubungan Antara Strategi Membaca Kilat (<i>Skimming Reading</i>) Dengan Amalan Membaca Pelajar	103
4.22	Hubungan Antara Strategi Membaca Kilat (<i>Scanning Reading</i>) Dengan Amalan Membaca Pelajar	104
4.23	Hubungan Antara Strategi Membaca Cepat (<i>Speed Reading</i>) Dengan Amalan Membaca Pelajar	105
4.24	Hubungan Antara Strategi Membaca KWLH (<i>Know, Want, Learned, How</i>) Dengan Amalan Membaca Pelajar	106
4.25	Hubungan Antara Strategi Membaca SQ3R (<i>Survey, Question, Read, Recite, Review</i>) Dengan Amalan Membaca Pelajar	107
4.26	Keseluruhan Hubungan Antara Strategi Membaca Dengan Amalan Membaca Pelajar	108



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Amalan Pembacaan Berkesan	13
3.1	Kerangka Operasi	57



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN/ISTILAH

FPTV - Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

KWLH - Knowledge, Want, Learned, How

PTV - Pendidikan Teknik dan Vokasional

SQ3R - Survey, Question, Read, Recite, Review

UTHM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)
- B Borang Soal Selidik
- C Senarai Pakar Rujuk Bagi Kesahan Borang Soal Selidik
- D Kebolehpercayaan Kajian Rintis
- E Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- F Bahagian A: maklumat Demografi Responden
- G Bahagian B: Persoalan Kajian Pertama
- H Bahagian B: Persoalan Kajian Kedua
- I Bahagian C: Persoalan Kajian Ketiga
- J Analisis Faktor Utama Yang Mempengaruhi Amalan
Pembacaan Berkesan
- K Bahagian C: Persoalan Kajian Keempat
- L Analisis Strategi Utama Membaca
- M Ujian Normaliti
- N Persoalan Kajian Kelima
- O Carta Ghant



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Arus kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan serta berteknologi maklumat yang semakin canggih dari semasa ke semasa serta mengikut aspek penekanan kepada ilmu pengetahuan adalah amat penting. Tanpa ilmu pengetahuan, sesebuah masyarakat mungkin akan ketinggalan dengan arus kemodenan. Ketamadunan yang semakin berkembang menjadikan ilmu pengetahuan sangat penting. Islam meletakkan ilmu sebagai asas dalam pembangunan diri manusia dan alam seluruhnya. Tuntutan pertama dan utama terhadap manusia ialah saranan menuntut ilmu yang merupakan asas pemikiran dan pembuka minda.

Tahap ilmu manusia merupakan asas dalam kehidupan manusia yang seringkali menjadi persaingan sama ada masyarakat dalam lingkungan komuniti yang kecil mahupun dalam komuniti global. Tahap ilmu manusia lazimnya seringkali dikaitkan dengan aktiviti pembacaan yang berupaya meningkatkan tahap ilmu dalam pelbagai lapangan ilmu. Kepentingan membaca juga dibuktikan melalui perintah pertama yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu menyuruh baginda membaca. Dengan membaca manusia mampu untuk meneroka ilmu duniawi mahupun dunia akhirat. Membaca bukan sahaja berupaya meningkatkan tahap keilmuan malah memberikan kesedaran kepada kita kebesaran alam pencipta dalam segenap lorong kehidupan kita (Syed Ameer Ali, 1992).



Jabar Ibrahim (1992), menyatakan sejarah kegemilangan Islam telah memperlihatkan bahawa tamadun keilmuan telah bertapak dalam sejarah keagungannya. Perkembangan ilmu pengetahuan telah melahirkan tokoh-tokoh cendekiawan terulung antaranya Imam Syafie, Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Rusydi. Tokoh-tokoh tersebut telah mewariskan dengan pelbagai bidang keilmuan. Pengetahuan akan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa menerusi pelbagai aktiviti yang menghasilkan kepada penciptaan pengetahuan baru.

Suatu usaha harus digerakkan untuk menambah dan memperkembangkan ilmu pengetahuan. Cara yang terbaik adalah dengan membudayakan amalan membaca. Manusia berilmu selalunya dikaitkan dengan insan berbudaya membaca. Ahmad Mohd Said (1998) menyatakan membaca merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Noresah Baharom (2005), menyatakan membaca adalah memperhatikan isi sesuatu yang bertulis atau bercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya. Melalui amalan membaca individu dapat menjadikan dirinya sebagai sumber rujukan sama ada kepada dirinya sendiri atau kepada orang lain.

Syed Abu Bakar Syed Akil (1994) menyatakan membaca merupakan suatu proses untuk memperolehi ilmu dan maklumat dengan menggunakan deria dan minda sama ada melalui bahan-bahan bercetak atau media elektronik. Deria dan minda yang dicerna dengan ilmu pengetahuan hasil pembacaan akan menjana kehidupan manusia yang sentiasa inginkan perubahan. Ilmu yang diperolehi akan merangsang minat dan naluri untuk menambah ilmu pengetahuan yang lain seterusnya akan terbentuk satu budaya membaca di kalangan masyarakat.

Selain itu, membaca merupakan amalan yang penting dalam hidup manusia kerana pembaca dapat memperoleh maklumat dan ilmu yang dapat di gunakan pada masa hadapan. Dalam proses mendapatkan maklumat, pengetahuan perlu bagi tujuan memahami sesuatu bahan bacaan. Pembaca kadang-kala membaca tanpa berfikir atau memahami sebahagian daripada mesej yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut.



Amalan membaca memang telah disedari mengenai kepentingannya oleh semua golongan sama ada pemimpin politik, ibu bapa, pendidik, pentadbir, masyarakat pelajar amnya. Membaca adalah suatu kegiatan yang amat penting dalam kehidupan manusia dan boleh membangunkan sesuatu masyarakat dari segi intelektual serta membentuk pemikiran kreatif dan dinamis. Maka, tidak hairanlah jika ungkapan “Membaca Jambatan Ilmu” sering kali di gunakan untuk menunjukkan betapa pentingnya amalan membaca dalam mencari ilmu pengetahuan. Napoleon Bonaparte, raja Perancis yang menaiki takhta pada 1799 pernah berkata: “Sesiapa yang membaca dan mengamalkan apa-apa yang dibacanya, akan dapat memerintah dunia.” (Hashim Muzbidi Ahmad, 1998).

Pembacaan adalah media terbaik untuk berkongsi dan belajar daripada pengalaman orang lain. Dalam melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, pembacaan yang berkesan haruslah meluas dan pembaca haruslah mempunyai jiwa yang sihat serta minda yang tajam dalam memahami pembacaannya. Amalan pembacaan berkesan mampu membantu para pembaca dalam mendapat maklumat yang tepat. Menerusi amalan pembacaan yang berterusan mampu melahirkan generasi akan datang berintelektual sejajar dengan arus kemajuan negara kini.

Oleh kerana pentingnya membaca, kerajaan di negara-negara maju mendirikan perpustakaan-perpustakaan umum untuk kegunaan orang ramai. Menurut Kelly Gallagher (2004), dalam bukunya *Deeper Reading* menyatakan di Jepun terdapat 736 buah perpustakaan umum pada tahun 1962 iaitu sebuah perpustakaan untuk 130 000 orang. Di Britain terdapat 2000 buah perpustakaan umum iaitu sebuah perpustakaan bagi 28 000 orang penduduk. Di Amerika pula, 12 478 buah perpustakaan dan 6925 daripadanya ialah perpustakaan umum.

Menurut perangkaan daripada Kementerian Pelajaran didapati tahap celik huruf rakyat Malaysia adalah 93 peratus, tetapi angka tersebut tidak boleh di banggakan jika di bandingkan dengan budaya membaca masyarakat Malaysia. Berdasarkan laporan tabiat membaca yang dibuat oleh UNESCO pada tahun 1999 menunjukkan rakyat Malaysia membaca dua buah buku setahun, berbanding hanya dua muka surat setahun. Mengikut dalam laporan yang dibuat pada tahun 1997 walaupun terdapat peningkatan minat yang agak tinggi, namun nilai ini masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara maju. (Senu Abdul Rahman, 2002)



Melihat begitu pentingnya membaca, maka budaya amalan membaca dijadikan salah satu indeks bagi pembangunan manusia, yang sering dijadikan ukuran keberhasilan pembangunan sebuah negara. Masyarakat di sesebuah negara menjadi lebih matang dan progresif selaras dengan kemajuan negara. Bangsa Malaysia yang matang, rasional, analitikal, berjiwa patriotik serta maju fizikal dan mentalnya hanya akan menjadi kenyataan jika budaya membaca akan sentiasa menjadi amalan segenap lapisan masyarakat. Perkara tersebut sentiasa dipandang serius oleh semua pihak kerana negara Malaysia sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara membangun yang rakyatnya adalah serba boleh dan dapat bertanding dalam semua aspek kehidupan dengan negara lain.

Amalan pembacaan berkesan juga dikaitkan dengan beberapa strategi yang membantu dalam amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Terdapat lima strategi yang digunakan iaitu membaca kilat (*skimming reading*), membaca cepat (*speed reading*), membaca pengimbasan (*scanning reading*), SQ3R (*Survey-Question-Read-Recite-Review*) dan KWLH (*Knowledge-Want-Learned-How*). Hal ini jelaslah bahawa strategi membaca bergantung kepada amalan pembacaan pelajar. Maka, penyelidikan ini lebih tertumpu ke arah cara pelajar Sarjana menggunakan bahan bacaan dalam penulisan ilmiah serta dalam membantu proses pembelajaran mereka.

Selain itu, membaca di peringkat universiti memerlukan pembaca menggunakan strategi metakognisi yang merupakan kebolehan menguruskan pembelajarannya sendiri. Pembaca perlu berfikir akan gaya pembelajaran mempunyai interaksi dengan teks yang dibaca sehinggakan strategi yang digunakan dapat membantu pembaca berhadapan dengan cabaran yang lebih hebat apabila membaca bahan akademik. Yahya Othman (2004) menyatakan bahawa membaca teks akademik atau bahan ilmiah bukanlah proses yang mudah. Untuk membaca dengan lebih baik, pembaca perlu menggunakan strategi membaca yang boleh membantu memudahkan proses membaca. Hal ini adalah kerana teks akademik mementingkan pemahaman aras tinggi maka pembaca sewajarnya sudah dapat mengagak kesukaran yang bakal dihadapinya.

Oleh itu, penyelidikan ini dapat menentukan amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Universiti Tun



Hussein Onn Malaysia. Justeru itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengumpul pelbagai maklumat menerusi amalan pembacaan berkesan dengan mengaitkan strategi yang digunakan dalam amalan pembacaan, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi amalan pembacaan berkesan dan mencadangkan langkah yang perlu diambil untuk menambahbaikkan amalan membaca yang berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).

Memandangkan betapa pentingnya peranan membaca dalam melahirkan bakal pendidik yang berketerampilan dan berilmu pengetahuan, maka penyelidikan ini diharapkan akan dapat menentukan sejauh manakah amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).

1.2 Latar Belakang Kajian

Masalah kekurangan amalan membaca bukan sahaja dapat dikesan berlaku pada para pelajar sekolah semata-mata, bahkan juga dalam kalangan pelajar-pelajar universiti. Mengikut kajian yang dijalankan, amalan membaca amat rendah dalam kalangan pelajar universiti negara ini. Ini berdasarkan jumlah keahlian dalam perpustakaan seluruh negara dalam tahun 2010 hanya 15% dari jumlah 28,350 pelajar universiti yang berdaftar setiap tahun. Peratusan membaca ini jelas menunjukkan betapa rendah jumlah pelajar yang sering ke perpustakaan untuk meminjam buku-buku bacaan. Ramai yang masih lagi tidak gemar membaca walaupun sudah berada diperingkat universiti. (Mahzan Arshad, 2011).

Menurut Mahzan Arshad (2003), kegiatan membaca dalam kalangan pelajar universiti kita berlaku apabila terdapat keperluan sahaja. Pelajar hanya membaca sekiranya perlu misalnya untuk mengambil peperiksaan, membuat tugas atau untuk melaksanakan sesuatu tugas yang memerlukan kita membaca.

Sementara itu, Safiah Osman (1995) menyatakan bahawa betapa penting faktor motivasi sendiri dalam kaitan pelajar dengan amalan dan minat membacanya. Jika seseorang itu tidak berminat untuk membaca, kita tidak dapat memaksanya untuk

membaca. Banyak yang berlaku di sekitar dunia pendidikan pada hari ini, tetapi sejauh manakah perkembangan ini difahami oleh para pelajar universiti di negara kita. Perkembangan pesat juga berlaku dalam bidang-bidang ilmu terutamanya dalam dunia pendidikan. Maklumat yang penting ini perlu diketahui oleh para pelajar kita, namun jika mereka tidak gemar membaca, segala perkembangan baru ini tidak mungkin akan diketahui.

Hasil daripada analisis dan kajian yang telah dibuat oleh pihak Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) didapati bahawa penggunaan perpustakaan oleh pelajar sarjana dari keseluruhan fakulti di UTHM adalah sebanyak 14.6% pada tahun 2010. Jumlah peratus penggunaan perpustakaan bagi pelajar Sarjana pada tahun 2011 pula adalah 8.4% yang menunjukkan penurunan iaitu penurunan sebanyak 6.2%.

Hasil analisis daripada kajian yang telah dibuat oleh pihak Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkaitan dengan peminjaman buku berkaitan dengan subjek Pendidikan Teknik dan Vokasional di perpustakaan adalah sebanyak 13,368 pada tahun 2011. Daripada analisis kajian ini, jelaslah bahawa pelajar dari Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional berkunjung ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan ilmiah untuk membantu dalam proses pembelajaran mereka. Melalui analisis tersebut, penyelidik mengandaikan bahawa tujuan pelajar meminjam buku daripada perpustakaan adalah untuk membaca disamping dapat mencari maklumat berhubung dengan pembelajaran mereka.

Bagi memastikan bacaan memberi kesan kepada pembaca, pembaca haruslah mengetahui strategi yang digunakan untuk membantu dalam amalan pembacaan mereka. Strategi yang sesuai dengan menggunakan beberapa teknik dalam amalan membaca adalah membaca kilat (*skimming*), membaca cepat (*speed reading*), membaca pengimbasan (*scanning reading*), SQ3R (*Survey-Question-read-Recite-Review*) dan teknik KWLH (*Know-Want-Learned-How*) perlu digunakan. Penilaian sendiri pembaca ke atas strategi yang digunakan semasa membaca penting bagi membantu meningkatkan lagi pemahaman bacaan pembaca. Melalui strategi pembacaan dalam kalangan pelajar, dapatlah mengetahui sejauh manakah amalan pembacaan berkesan mereka adakah merupakan antara pembacaan bermakna ataupun sebaliknya.



Amalan pembacaan berkesan juga mempengaruhi jenis bahan bacaan pembaca. Jenis bahan bacaan pembaca merangkumi jenis bahan bacaan ilmiah dan juga bahan bacaan bukan ilmiah. Bagi bahan bacaan ilmiah terdiri daripada buku rujukan, bahan khusus dan bahan terbitan berkala. Bagi buku rujukan bermaksud bahan untuk mencari maklumat tentang sesuatu perkara, seperti maklumat mengenai makna sesuatu perkataan, sesuatu kejadian, peristiwa, berita, fakta, butiran tentang tempat, data dan sebagainya. Para pelajar boleh mendapat maklumat tersebut menerusi almanak, atlas, direktori dan ensiklopedia. Selain itu, bahan khusus merupakan bahan yang diterbitkan berdasarkan sesuatu perkara atau bidang khusus seperti kertas seminar, tesis, dan maklumat perangkaan. Bahan terbitan berkala pula bermaksud bahan bacaan yang sentiasa diperbaharui sama ada setiap hari, setiap minggu, setiap bulan atau setiap tahun. seperti jurnal ilmiah, buletin, laporan tahunan dan surat khabar. Jenis bahan bacaan bukan ilmiah pula terdiri daripada buku fiksiyen dan bahan terbitan berkala. Buku fiksiyen merupakan karya sastera yang diterbitkan daripada rekaan atau khayalan seseorang pengarang berpandukan kepada pengalaman hidup seperti mengarya cerpen, buku cerita, novel dan komik. Jenis bahan terbitan berkala dalam bahan bacaan bukan ilmiah terdiri daripada majalah hiburan.

Pengaruh jenis bahan bacaan amat penting kepada pembaca terutama dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah kerana mereka merupakan bakal pendidik untuk generasi akan datang. Selain itu, dalam pemilihan bahan bacaan yang tepat, mampu membantu para pelajar dalam penulisan ilmiah seperti dalam menjana idea yang berkesan. Berdasarkan teori pembacaan yang dikaji oleh penyelidik menunjukkan bahawa jika pelajar menggunakan strategi yang berkesan terhadap pengaruh bahan bacaan, maka pembacaan pelajar mencapai tahap pembacaan bermakna. Memandangkan betapa pentingnya membaca dalam kehidupan sebagai seorang pelajar dan juga bakal pendidik, kajian ini dijalankan bagi meninjau sejauh manakah amalan pembacaan berkesan terpahat di hati para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) ini.

Melalui penyelidikan ini, amalan pembacaan berkesan dapat ditentukan daripada pelbagai bahan bacaan berbentuk ilmiah dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dan dapat menentukan faktor-faktor utama yang



mempengaruhi amalan pembacaan mereka sama ada berkesan ataupun tidak. Penyelidikan ini juga dapat membantu penyelidik dalam mengenal pasti bagaimana pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) menggunakan bahan bacaan dalam penulisan ilmiah mereka disamping mengetahui tahap keserjanaan mereka dalam membaca.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan daripada kajian lepas berkaitan dengan amalan membaca, penyelidik telah mengenal pasti beberapa faktor yang boleh menyumbang kepada kajian ini. Faktor-faktor amalan pembacaan terdiri adripada faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran terdiri daripada faktor persekitaran, manakala faktor dalaman pula terdiri daripada faktor psikologi dan faktor individu (Tamam Timbang, 2011). Amalan pembacaan juga dikaitkan dengan strategi membaca yang digunakan. Yeti Mulyati (2003) pula menyatakan strategi yang berkesan dalam pembacaan adalah seperti *skimming reading*, *scanning reading*, *speed reading*, *SQ3R* dan *KWLH*. Maka, persoalan yang timbul apakah amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia? Sebagai aset terpenting negara, mereka harus bersedia dan peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka, malah bertanggungjawab untuk pembangunan kemajuan negara dan ianya merupakan amanah yang sangat berat yang perlu dipikul. Maka, kajian ini cuba mengupas amalan pembacaan yang berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Seterusnya melihat kepada aspek amalan pembacaan berkesan daripada pelbagai faktor utama yang mempengaruhi amalan membaca dan strategi utama yang digunakan sewaktu membaca dalam kalangan pelajar Sarjana. Akhir sekali, kajian ini akan mencari hubungan di antara strategi membaca pelajar dengan amalan membaca pelajar. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan jawapan terhadap persoalan apakah amalan pembacaan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dalam kehidupan harian mereka sebagai seorang pelajar dan bakal bergelar



seorang pendidik. Hal ini dibuktikan dengan pernyataan Tamam Timbang (2011), bahawa penyelidikan berkaitan dengan aspek membaca mencerminkan wujudnya kesedaran untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya ilmu yang perlu dikekalkan. Justeru itu, amalan membaca memberi kesan kepada pelajar dalam menjadi seorang pendidik yang berilmu pengetahuan dan berupaya mengolah serta menghuraikan maklumat daripada pembacaan mereka.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang perlu dicapai oleh penyelidik dalam kajian ini adalah:

- i. Mengetahui amalan membaca dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- ii. Mengetahui pengaruh utama jenis bahan bacaan terhadap amalan membaca berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- iii. Mengetahui faktor utama yang mempengaruhi amalan membaca berkesan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- iv. Mengetahui strategi utama membaca yang dapat membantu dalam meningkatkan amalan membaca berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- v. Mengetahui hubungan antara strategi membaca dengan amalan membaca dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini membincangkan persoalan–persoalan kajian yang sedang dijalankan. Antara persoalan–persoalan tersebut merangkumi lima soalan iaitu:

- i. Apakah amalan pembacaan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- ii. Apakah pengaruh utama jenis bahan bacaan terhadap amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- iii. Apakah faktor utama yang mempengaruhi amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- iv. Apakah strategi utama membaca yang dapat membantu dalam meningkatkan amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- v. Adakah terdapat hubungan antara strategi membaca dengan amalan membaca dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

1.6 Hipotesis

Menurut Sekaran (1992:78), hipotesis merupakan hubungan logik antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dinyatakan dalam pernyataan yang boleh diukur. Hipotesis didefinisikan sebagai jawapan ramalan kepada sesuatu soalan dalam konteks penyelidikan. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

Hipotesis Null,

Ho₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi membaca kilat (*skimming reading*) dengan amalan membaca pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Ho₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi membaca imbas (*scanning reading*) dengan amalan membaca pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Ho₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi membaca cepat (*speed reading*) dengan amalan membaca pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Ho₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi membaca KWLH (*know, want, learned, how*) dengan amalan membaca pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Ho₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi membaca SQ3R (*survey, question, read, recite, review*) dengan amalan membaca pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

1.7 Kerangka Konsep Penyelidikan

Kerangka konsep dibangunkan adalah sebagai panduan kepada penyelidik dalam memahami kajian yang dijalankan dan mengenal pasti persoalan kajian yang timbul bagi mencapai objektif kajian.


Menurut Suppli Efendy Rahim (2007), kerangka konsep didefinisikan sebagai pernyataan yang memberi makna suatu konsep atau istilah tertentu. Istilah tersebut lebih sering digunakan dalam kaedah penyelidikan kualitatif, khususnya sebagai pengganti istilah teori (kerangka teori) dengan mensyaratkan adanya beberapa kondisi tertentu. Pembinaan kerangka konsep ini juga dibina berlandaskan Teori Metakognisi dalam pengajaran membaca adalah kerana untuk mengukuhkan lagi konsep yang dibuat oleh penyelidik. Teori yang dibangunkan oleh Vygotsky (1978) merupakan aspek utama dalam penggunaan strategi pembacaan. Menurut beliau, pendekatan kognisi dalam aktiviti pembacaan dilihat sebagai proses pemikiran atau daripada sudut apa yang pembaca faham berdasarkan pembacaan yang dibuat.

Walaupun kajian ini merupakan kajian kuantitatif, namun pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan pembentukan kerangka konsep penyelidikan bagi membantu penyelidik dalam mengkaji kajian mengenai amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (UTHM).



Kerangka Konsep

AMALAN PEMBACAAN BERKESAN DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA PTV



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Amalan Pembacaan Berkesan

Berpandukan kepada kerangka konsep yang dibina oleh penyelidik, amalan pembacaan berkesan terdorong kepada tujuan pembacaan pelajar Sarjana PTV iaitu tujuannya adalah untuk peperiksaan, penulisan ilmiah dan untuk mengisi masa lapang. Tujuan pembacaan ini dipengaruhi kepada tiga perkara iaitu faktor luaran dan dalaman, pengaruh jenis bahan bacaan dan strategi yang digunakan dalam pembacaan. Bagi faktor luaran adalah terdiri daripada faktor persekitaran. Bagi faktor dalaman pula terdiri daripada faktor psikologi dan individu. Pengaruh jenis bahan bacaan pula terdiri daripada bahan bacaan berbentuk ilmiah dan bahan bacaan bukan berbentuk ilmiah. Bagi bahan bacaan berbentuk ilmiah adalah seperti buku rujukan, bahan khusus dan bahan terbitan berkala. Bagi bahan bacaan bukan berbentuk ilmiah pula adalah seperti buku fiksi dan bahan terbitan berkala. Selepas penyelidik mengkaji setiap perkara yang mempengaruhi tujuan membaca dalam amalan pembacaan berkesan ini, penyelidik akan mendapat keputusan hasil pembacaan berkesan iaitu mengetahui sejauh mana amalan pembacaan itu berkesan dalam kalangan pelajar PTV.

Kerangka konsep ini adalah memudahkan penyelidik dalam mengenal pasti pemboleh ubah yang digunakan dan kerangka konsep ini dibina hasil daripada Teori Metakognisi yang telah dibangunkan oleh Vygotsky (1978). Kerangka konsep ini juga dibina berpandukan kepada persoalan kajian yang dikemukakan.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh manakah amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam membantu pelajar membuat tugas dan penulisan ilmiah di samping menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada melalui pembacaan. Selain itu, kepentingan kajian ini adalah untuk menentukan kajian ini sangat penting dan dapat digunakan oleh semua pihak terutama para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, pensyarah dan pihak perpustakaan. Hasil kajian ini, dapatlah menjadi panduan kepada para pelajar Sarjana, para pensyarah Pendidikan Teknik dan Vokasional, dan pihak universiti dalam mengkaji masalah ini dan menjadi panduan dalam penulisan ilmiah.

1.8.1 Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasioal

Kajian ini dapat membantu para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam meningkatkan amalan pembacaan berkesan mereka. Mereka juga dapat mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pembacaan mereka serta langkah-langkah yang perlu diambil dalam meningkatkan amalan pembacaan mereka. Kajian ini penting bagi melahirkan para pendidik yang berilmu pengetahuan dan juga dapat membantu pelajar dalam membuat penulisan ilmiah. Terdapat beberapa punca mengapa kajian ini dilakukan terhadap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah kerana pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) ini merupakan bakal pendidik di masa akan datang dan jika dari awal pelajar tidak mengamalkan strategi pembacaan yang berkesan, bagaimana mereka akan memberi maklumat kepada generasi akan datang jika amalan pembacaan dalam kalangan pelajar masih banyak kekangan. Selain itu, para pelajar juga perlulah mengetahui strategi yang digunakan untuk diamalkan dalam pembacaan mereka bagi membantu mereka dalam mendapatkan maklumat yang tepat melalui pembacaannya. Selain itu, penyelidikan ini mampu meningkatkan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

kedaran pelajar bagaimana strategi amalan pembacaan dapat membantu pelajar dalam menjana idea yang lebih berkesan.

1.8.2 Pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Kajian ini dapat membantu para pensyarah dari Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam mengetahui sejauhmana amalan pembacaan berkesan serta pemahaman pelajar mereka sepanjang mereka menuntut di bidang ini. Pensyarah juga dapat membantu dalam melahirkan para pendidik yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan dalam pelbagai aspek. Selain itu, kepentingan kajian kepada pensyarah ini dapat membantu pensyarah dalam menyusun strategi proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan bagi memastikan pelajar mempraktikkan budaya membaca secara berkesan.

1.8.3 Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kajian ini juga penting untuk Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam memastikan penyediaan buku-buku rujukan disediakan dengan lengkap untuk para pelajar. Selain itu, pihak perpustakaan juga boleh mengadakan pelbagai aktiviti atau kempen yang berkaitan dengan galakan membaca untuk para pelajar di Universiti Tun Hussein Onn terutama dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Selain itu, pihak perpustakaan juga akan mudah menyediakan pelbagai bahan bacaan yang berkesan untuk para pelajar



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah meliputi tiga aspek yang mempengaruhi amalan pembacaan berkesan pembacaan iaitu dari segi faktor, pengaruh, dan strategi membaca. Daripada aspek faktor membaca terdiri daripada faktor persekitaran, psikologi dan individu. Daripada aspek pengaruh membaca pula, terdiri daripada bahan bacaan yang digunakan seperti bahan bacaan ilmiah atau bukan ilmiah. Dari aspek strategi pula melibatkan strategi dalam pembacaan bermakna dengan menggunakan “*skimming reading*”, “*scanning reading*”, “*speed reading*”, SQ3R (*Survey-Question-read-Recite-Review*) dan KWLH (*Know-Want-Learned-How*). Dari pelbagai jenis aspek seperti faktor, pengaruh dan strategi dapat mempengaruhi amalan pembacaan terutamanya yang melibatkan kajian terhadap tujuan pelajar itu membaca bagi tujuan peperiksaan, penulisan ilmiah ataupun untuk mengisi masa lapang. Akhirnya, kajian dilakukan untuk melihat adakah terdapat hubungan antara strategi membaca dan amalan membaca dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, UTHM.

1.10 Batasan Kajian

Batasan Kajian tertumpu kepada pelajar sarjana di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang mengambil jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional sepenuh masa. Dapatan kajian merujuk kepada sampel yang dikaji terdiri daripada pelajar sarjana sepenuh masa tahun 2012/2013.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di UTHM. Kajian ini juga akan tertumpu kepada Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai pusat pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mendapatkan sumber bacaan dimana perpustakaan ini merupakan satu-satunya tempat pelajar memperolehi sumber-sumber memperolehi maklumat. Responden yang

diambil pula hanya seramai 169 orang sahaja yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sepenuh masa yang dipilih secara rawak.

1.11 Definisi Istilah

Definisi istilah dalam kajian ini menghuraikan beberapa maksud istilah yang sering digunakan di dalam kajian ini. Antara istilah yang akan dihuraikan adalah membaca, pembacaan berkesan, membaca kilat (*skimming reading*), membaca pengimbas (*scanning reading*), membaca cepat (*speed reading*), SQ3R dan KWLH.

1.11.1 Membaca

Menurut penyelidikan dengan menggunakan sumber-sumber sesawang internet, pengkaji dapat mengenal pasti beberapa definisi mengenai membaca. Menurut Kholid A. Harras (2007), menyatakan bahawa membaca merupakan jendela dunia, yang ertinya dari membacalah semua informasi, dapatlah maklumat difahami dengan cepat dan mudah. Untuk memiliki kemampuan membaca yang baik diperlukan tentang teknik-teknik membaca yang baik. Di samping itu, sangat diperlukan latihan-latihan yang cukup sesuai dengan tujuan membaca yang dilakukan. Menurut beliau lagi, membaca bukanlah suatu kegiatan yang berdiri sendiri, melainkan suatu sintesis daripada pelbagai proses yang digabungkan ke dalam suatu sikap pembaca yang aktif.

Manakala Parlan Yunos. (2008) pula mendefinisikan bacaan sebagai keupayaan seseorang dalam bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan), menghubungkan bentuk itu dengan bunyi ataupun makna yang telah diketahui, dan seterusnya berasaskan pengalaman lalu, memahami dan mentafsirkan maksudnya menerusi pembacaan itu.

1.11.2 Pembacaan Berkesan

Pembacaan berkesan dalam kajian ini membawa maksud pembaca mampu membaca bahan-bahan ilmiah dengan menggunakan pelbagai strategi yang sesuai dimana dapat meningkatkan pemahaman dalam pembacaannya. Justeru itu, Safiah Osman (1990), pembacaan berkesan menjadikan para pelajar mampu mengolah dan menghuraikan maklumat dalam penulisan ilmiah mereka. Dalam pembacaan berkesan ini menekankan beberapa jenis pengaruh bacaan serta strategi membaca yang dapat membantu para pelajar dalam mencari maklumat penting dalam pembacaan mereka.

1.11.3 Membaca Kilat (*Skimming Reading*)

Membaca kilat (*skimming reading*) adalah membaca dengan cepat untuk mengetahui isi umum atau bahagian suatu bacaan. Menurut Mikulecky & Jeffries (dalam Farida Rahim, 2005), membaca kilat diperlukan untuk mengetahui sudut pandang penulis tentang sesuatu, menemukan pola maklumat dalam perenggan dan menemukan maklumat utama dengan cepat.

Kamaruddin Hashim, et.al. (1996) pula menyatakan bahawa membaca *skimming* adalah membaca sekilas atau membaca cepat untuk mendapatkan suatu maklumat daripada bahan yang dibaca. *Skimming* dilakukan untuk memulakan pembacaan cepat secara umum dalam suatu bahan bacaan. Dalam *skimming*, proses membaca dilakukan secara melompat-lompat dengan melihat idea-idea utama dalam bahan bacaan sambil memahami maksud dan ayat tersebut.

1.11.4 Membaca Pengimbas (*Scanning Reading*)

Membaca pengimbas (*scanning reading*) juga dikenali sebagai membaca tatap iaitu member pengertian dalam membaca cepat. Farida Rahim (2005) menyatakan bahawa membaca pengimbas penting dalam meningkatkan kemampuan membaca. Teknik membaca ini berguna untuk mencari beberapa informasi secepat mungkin. Dengan melatih membaca menggunakan teknik membaca pengimbas ini, seseorang mampu belajar membaca untuk memahami teks bacaan dengan cara lebih cepat.

1.11.5 Membaca Cepat (*Speed Reading*)

Abdul Ghani Awang (1996) memberi maksud membaca cepat (*speed reading*) adalah membaca yang dilakukan dengan kecepatan yang sangat tinggi. Biasanya dengan membaca perkataan demi perkataan dan perenggan tetapi tidak membaca kata demi kata. Tujuannya adalah untuk memperolehi maklumat utama, dan penjelasan dari suatu bacaan dalam waktu yang singkat.

Taylor, B.M & Maruyama, G. (1990) menyatakan bahawa membaca cepat bukan bererti jenis membaca yang ingin memperolehi jumlah bacaan atau halaman yang banyak dalam waktu yang singkat. Pelajaran ini diberikan dengan tujuan agar pelajar dalam waktu yang singkat dapat membaca secara lancer dan dapat memahami isinya secara tepat dan cermat.



1.11.6 SQ3R (*Survey-Question-Read-Recite-Review*)

Teknik membaca SQ3R memerlukan keupayaan pelajar menggunakan mindanya secara optimum. Norhaidi Sarponen (2007) menyatakan bahawa teknik membaca SQ3R dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran berfikir terutama bagi memahami teks yang dibaca.

1.11.7 KWLH (*Knowledge-Want-Learned-How*)

Hassan Mohd Ali (2006), teknik pembacaan KWLH adalah suatu teknik membaca yang kritis supaya pelajar dapat meninjau apa yang sudah diketahui, apa yang akan diketahui, apa yang sudah dipelajari selepas membaca dan bagaimana perkara-perkara tambahan yang ingin diketahui dapat dipelajari.

1.11.8 Metakognisi

Menurut Yahya Othman (2003) menyatakan maksud “meta” dalam bahasa Greek bermaksud ‘apa-apa sahaja yang dapat dirangkumi’. Meta juga dimaksudkan sebagai segala yang di luar, lebih abstrak dan pemahaman lebih tinggi. Kognisi pula merujuk kepada proses mental, berfikir dan menaakul. Pengertian kognisi juga melibatkan proses minda seperti ‘pengalaman mengetahui’ dan ‘pengalaman perasaan’. Termasuk dalam huraiannya adalah pelbagai aktiviti seperti pembelajaran bahasa, bacaan pemahaman dan sebagainya.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, di dalam bab ini, penyelidik membincangkan mengenai pengenalan kepada penyelidikan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep penyelidikan, dan definisi operasi. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai sorotan kajian lalu dengan lebih terperinci mengenai amalan pembacaan berkesan dan strategi pembacaan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam Bab 2 ini, penyelidik meninjau beberapa pandangan serta kajian lalu oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan juga luar Negara yang berkaitan dengan persoalan kajian ini. Antara aspek yang dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan strategi dan amalan pembacaan dalam kalangan pelajar. Di samping itu, penyelidik juga membincangkan juga berkaitan strategi pembacaan yang digunakan oleh pelajar. Perbincangan bahagian ini merujuk kepada kajian lepas mengenai strategi dan amalan pembacaan.

2.2 Kepentingan Amalan Membaca

Siti Najihah (2009) menyatakan bahawa banyak kebaikan yang akan diperolehi melalui amalan membaca. Antaranya, pembaca akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Amalan membaca perlu menjadi amalan kepada setiap individu kerana melalui amalan inilah seseorang dapat menguasai pelbagai jenis ilmu. Tambahnya lagi, amalan membaca dapat melatih pembaca agar sentiasa berfikir dan menjana idea dengan berkesan.

Ahmad Mohd Said (1998) pula menyatakan bahawa dengan membaca, seseorang akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan disamping dapat membantu menambahkan perbendaharaan kata yang dimiliki. Hal ini kerana dengan membaca, seseorang itu akan menemukan pelbagai jenis perkataan baharu. Tambahnya lagi, amalan membaca juga mampu membantu pelajar untuk lulus dengan memperolehi keputusan yang cemerlang dan hal ini adalah kerana melalui pembacaan, pengaruh jenis bahan bacaan yang banyak dapat menambahkan pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran. Membaca juga dapat memenuhi masa lapang seseorang. Masa lapang perlu diisi dengan perkara yang berfaedah dan dengan mempraktikkan amalan membaca dalam kehidupan seharian, maka dapatlah membantu dalam memajukan Negara dalam melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan intelek.

Abdul Wahab (1995) menyentuh langkah-langkah penerapan amalan pembacaan dalam meningkatkan amalan dan minat membaca. Hal ini bermaksud, semua pihak perlu berkerjasama dalam usaha untuk meningkatkan amalan dan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar khususnya untuk menimba ilmu pengetahuan dan memajukan diri. Kemudahan di perpustakaan perlu dipertingkatkan dan kaedah pendidikan perlu dikemaskinikan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membaca bukan sahaja untuk mengisi masa lapang atau hiburan tetapi untuk menghayati pendidikan seumur hidup.

Melalui pembacaan, seseorang pelajar itu dapat mengetahui perkara-perkara baru, mendalami sesuatu ilmu, memperjelaskan lagi sesuatu perkara yang kurang difahami dan sebagainya. Seterusnya dengan ilmu itu juga pelajar dapat menggunakannya dalam pelbagai aspek kehidupan seperti dalam pembelajaran dan aktiviti harian mereka. (Suhaimi, 1991). Oleh itu, membaca boleh dikatakan sebagai satu amalan yang dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan mematangkan pemikiran seseorang pelajar.



RUJUKAN

- Achie, N. (2001). *Imsomnia University Dan Igauan Mahasiswa*. Tamadun. Keluaran Mei. 36-39.
- Ahmad, H.M. (1998). Kesan Buruk Kepada Masyarakat Dan Negara Apabila Bahan-Bahan Picisan Mendapat Perhatian Pembaca. *Jurnal Pendidikan: Maktab Perguruan Sandakan*. 2. hlm. 46-49
- Ali S.A. (1992). *Sejarah Evolusi dan Keunggulan Islam* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arshad, M. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Awang, A.G. (1996). *Kemahiran Membaca di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azman, M.N. dan Ghani, M.N.A. (1982). Membina Kecekapan Membaca Dan Memupuk Tabiat Membaca. Dalam *Seminar Gerakan membaca Negeri Terengganu 1982*. Dicapai pada Oktober 10, 2011 daripada <http://eprints.utm.my>
- Baharom, N. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Berita Harian *Online*. Dicapai pada Disember 12, 2012 daripada <http://bharian.com.my/articles/Bukuilmiah>
- Bujang, R. (1995). *Budaya Membaca di Kalangan Generasi Muda*. Dewan Masyarakat. Keluaran Oktober 7
- Chua, Y. P. (2006) *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill.
- Clarisse, A.P. (2011). Beliefs about reading, metacognitive reading strategies and text comprehension among college students in a private university. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada: www.philippine-esl-journal.com



PPT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Clark, C. (2007). Why Family Reading Matters. Dicapai pada Mei 29, 2012 daripada www.literacytrust.org.uk
- Cohen, L. & Manion, L. (1985). *Research Methods in Education*. Landon: Croom-Helm.
- Creswell, J.W. (2009). *Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publications.
- Duncan, James & Gregory, D. (1999). *Writes of Passage: Reading Travel Writing*. London: Routledge.
- Dunn, R. et.al. (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 33-339.(Anizam and Irwan Mah Yzir 2012)
- Ghafar, M.N.A. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Gillham (2000). Using Interviews as Research Instruments. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada: www.culi.chula.ac.th/e-Journal/bod/Annabel.pdf
- Groulund & Lim (1990). Reliability And Validity Of The Index Of Learning Styles: A Meta-Analysis, *International Journal Of Engineering Education*, 21(1), 103-112.
- Hamat, A. et.al. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada: <http://eprints.utm.my>
- Haron, A. & Abdullah, N. (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Social*. Singapura: Thompson Asia Pte. Ltd. hlm. 43-68.
- Haron, M. (1993). Pemahaman Dan Kesedaran Pemahaman Di Kalangan Pelajar Pelajar Melayu Tingkatan Tiga. Dalam *Pendidikan di Malaysia: Arah dan cabaran*, ms.172-177. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Haron, M. (1998). *Keupayaan Metapemahaman Dalam Pembacaan Dan Pendengaran Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Ph.D tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harras, K.A. (2011). Tinjauan mata kuliah. Dicapai pada November 18, 2011, daripada: <http://pustaka.ut.ac.id>



PTTA UTM
PEPUSAKAAN TUNKU TUNJAYA MINAH

- Hashim, K. et.al. (1996). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan teknik membaca*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Hassanbeigi, A. et.al. (2011). The Relationship Between Study Skills And Academic Performance Of University Students. Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada:
<http://pdn.sciencedirect.com.ezproxy.uthm.edu.my/science>
- Hernowo. (2005). Quantum reading. Dicapai pada Jun 1, 2012 daripada
<http://ejournal.stainpurwokerto.ac.id>
- Husin, K. (1998). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ibrahim, Z. (2000). Anda dan pembacaan. *Jurnal Kolej Cempaka Kenanga: Universiti Teknologi Malaysia*. 1. Hlm. 49-55.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill.
- Ismail, R. (1991). Strategi Galakan Membaca: Peranan Ibu Bapa. Dalam *Seminar Galakan Membaca Negeri Terengganu 1991*. Dicapai pada Oktober 10, 2011 daripada <http://eprints.utm.my>
- Kadir, M.A. (1991). *Menanamkan Tabiat Membaca*. Berita Harian.
- Kadir, R.A. (1997). *Teknik Dan Strategi Ke Arah Pembacaan Yang Berkesan*. Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang. 1- 9.
- Karim, A.A. (2001). *Mahasiswa Dan Krisis Intelektual*. Massa. 62-63.
- Keke, A. (2006). Meningkatkan Siswa Dalam Membaca Cepat. Dicapai pada April 20, 2012 daripada <http://www.bpkpenabur.or.id>
- Konting, M.M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie & Morgan. (1970). Sample Size Table. Dicapai pada Jun 10, 2012 daripada:
<http://research-advisors.com/tools/SampleSize.htm>
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. Landon: Wilay and Sms Inc.
- Lebar, O. (2007). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod. Dicapai pada Mei 20, 2012 daripada: <http://elib.uum.edu.my>
- Margaret A. R., Lynne K.L, & Janet W.L. (1989). *Reading Problems: Assessment And Teaching Strategies*. New Jersey: Prentice Hall.



PPT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Mat, A.W. (1995). Hubungan Minat Membaca Di Kalangan Pelajar-Pelajar SMKA Di Seberang Perai Dengan Latar Belakang Keluarga Dan Persekitaran. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada: <http://utm.edu.my>
- Mechado J.M. (1985). *Early Childhood Experiences In Language Arts*. New York: Delmar Publisher Inc.
- Mulyati. (2003). Kecepatan Efektif Membaca: Apa Dan Bagaimana? Dicapai pada April 28, 2012 daripada: <http://eprints.ukm.my/153/1/mulyati-edited.pdf>
- Mustafa, K. (1993). Proses Dan Teori Bacaan: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemampuan Membaca. *Jurnal Gemilang: Maktab Perguruan Sultan Idris*. **7**. hlm. 53-61
- Othman, A. (1990). "Membina Minat Membaca Kesusasteraan: Satu Pandangan Ringkas." *Jurnal Pendidik dan Pendidikan: Universiti Sains Malaysia*. **10**. Hlm. 1-7.
- Osman, S. (Ed.). (1990). *Membaca: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Benta.
- Othman, Y. (2004). *Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Othman, Y. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2004). *Laporan Bulan Membaca Kebangsaan 2004*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Perpustakaan Tun Hussein Onn Malaysia. (2011). *Laporan Tahunan 2011*. Johor: UTHM
- Philip, B. & Hua, T.K. (2006). Metakognitive Strategy Instruction (MSI) For Reading: Co-Regulation Of Cognition. Dicapai pada Mei 12, 2012 daripada <http://eprints.ukm.my/141/1/tankimhua-edited.pdf>
- Puteh, O. (1991). *Bengkel budaya membaca. Bengkel budaya membaca di IPDA, Jitra*.
- Razali, M.F. (1997). *Tahap pembacaan di kalangan masyarakat masih rendah*. Berita Harian. ms 1.
- Razikin, S. (1991). Perkembangan Kendiri Melalui Pembacaan. *Jurnal Pengurusan Pendidikan: Institut Aminuddin Baki*. **2/1**. Hlm. 46-55.



PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada www.librarynet.com.my
- Salleh, A. (1999). *Kajian Mengenai Tabiat Membaca Di Kalangan Pelajar Melayu Daerah Temerloh, Pahang Dan Faktor-Faktor Persekitaran Yang Mempengaruhi Pembacaan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Said, A.M (1998). Fakta Pentingnya Amalan Membaca. *Jurnal Gemilang: Maktab Perguruan Sultan Idris*. **13**. hlm. 35-38
- Said, A.M. & Tap, M.N.M. (2009). *Pembudayaan Ilmu: Membina Jati Diri Ketamadunan Kajang*. Selangor Darul Ehsan: Kolej Dar Al-Hikmah.
- Samad, R. (2011). Bahan Bacaan Picisan Lebih Digemari Oleh Golongan Remaja. Dicapai pada Jun 3, 2012 daripada: www.ukm.my/fpendidikan/
- Sandani & Putri, M.M. (2011). Hubungan Kecepatan Membaca Dan Pemahaman Isi Bacaan Dengan Indeks Prestasi Mahasiswa Keperawatan Universitas Sumatera Utara. Dicapai pada Februari 27, 2012 daripada <http://repository.usu.ac.id>
- Sang, M.S. (2008). *Pengurusan Pusat Sumber Dan Perpustakaan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Sharif, S. (2009). *Peningkatan Minat Membaca Dalam Kalangan Pelajar Menerusi Program Nilam*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Soedarso. (2004). *Speed Reading: Sistem Membaca Cepat Dan Efektif*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Strauss & Cobin (1999). *An Introduction to Grounded Theory: Educational Research*. Boston: Ally and Bacon
- Suna, C, & Seda, A.S. (2009). Usage of Reading Strategies In The Faculty Of Education. Dalam *World Conference on Educational Sciences 2009 Students*. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada: <http://pdn.sciencedirect.com.ezproxy.uthm.edu.my/science>
- Sulaiman. S.TM. (1996). *Pembacaan dan Peningkatan Budaya Ilmu*. Batu Caves, Selangor: Thinkers Library Sdn Bhd. Hlm. 1-80
- Syed Akil, S.A.B. (1994). *Panduan Mengajar Kemahiran Membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka



- Talib, A.A. (1989). *Pengajaran Dan Pengujian Bahasa: Perspektif Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Tasir, Z., et.al. (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS: For Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd. hlm.
- Taylor, B.M.et.al. (1990). Time Spent Reading and Reading Growth. *American Educational Research Journal*. Vol. 5(3): 351-362
- Timbang, T., et.al. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada: www.ukm.my/fpendidikan/
- Ujang. Z. (1997). *Motivasi dan Kaedah Membaca*. Kuala Lumpur: Al-Azim Sdn. Bhd
- Utusan Malaysia. (10/07/2003). *Televisyen Hakis Minat Membaca Rakyat Malaysia*.
- Utusan Malaysia. (11/07/2003). *Bulan Membaca: Setelah Lapan Tahun, Tidak Banyak Berubah*. Oleh: Rajmah Hasan Shirat.
- Vygotsky. (1978). *Mind in society: The Development of Higher Psychological Processes*. Dicapai pada Mei 26, 2012 daripada <http://research.kinasevych.ca>
- Wan Sulaiman, W.I. et.eal. (1991). *Strategi Membaca Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Service Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. (1977). *Research Methodological In Education*. 5th. Ed., New York, Prentice Hall.
- Yaakob, F. (1992). *Jurnal Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia*. **8**. 5-10.
- Yunos, P. (2008). *Kecenderungan Membaca Dalam Kalangan Guru0guru Sekolah Rendah Zon Ayer Hitam*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Yusof, R. (2003) *Penyelidikan Sains Sosial*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yusoff, M. (1999). *Strategi Bacaan Dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria, Z. (1999). *Statistik Pengurusan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia. Hlm. 15-16

